

**Pendapatan**

*Berita Harian 30/05/2010*

**perlu naik**

*2/15/10*

**elak rakyat**

**tertekan**

Dr M saran kerajaan kurang  
subsidi secara berperingkat

**J**OHOR BAHRU: Kerajaan perlu memikirkan untuk menaikkan pendapatan rakyat dan mengurangkan subsidi barangan keperluan dan bahan bakar secara berperingkat bagi mengelak rakyat tertekan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha mengurangkan subsidi sememangnya perlu diterima semua pihak kerana ia akan memacu ekonomi negara ke satu tahap dan kedudukan lebih baik.

“Kita perlu menerima bahawa subsidi memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi negara. Harga susu lembu pada hari ini tidak akan kekal sama pada masa depan. Jika subsidi diteruskan, ia akan memberikan kesan besar kepada kewangan negara.


“Cuma subsidi ini perlu dikurangkan secara tidak mendadak dan berharap pendapatan rakyat juga dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya mereka tidak tertekan,” katanya selepas merasmikan Wacana Kepemimpinan Kelab Veteran Persatuan Kelab Belia Malaysia (MAYC) di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Kelab Veteran MAYC, Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Rabu lalu, kerajaan mencadangkan subsidi tol, bahan api dan tenaga serta gula, tepung dan minyak masak dikurangkan atau dimansuhkan secara berperingkat mulai tahun ini bagi membolehkan kerajaan menjimatkan perbelanjaan sehingga RM103 bilion dalam tempoh lima tahun.

Malaysia antara negara paling bersubsidi di dunia dengan tahun lalu saja jumlahnya mencecah RM74 bilion merangkumi bahagian sosial (RM42.4 bilion), bahan api dan tenaga (RM23.5 bilion), prasarana (RM4.8 bilion) dan makanan (RM3.4 bilion).

Beban hutang negara kini mencecah RM362 bilion atau 54



**“**Cuma subsidi ini perlu dikurangkan secara tidak mendadak dan berharap pendapatan rakyat juga dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa”

**Dr Mahathir Mohamad**

*Bekas Perdana Menteri*

peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) - yang tertinggi sejak merdeka dan dianggar meningkat kepada RM1,158 bilion menjelang 2019 yang boleh mengakibatkan negara muflis.

Ditanya mengapa tindakan mengurangkan subsidi tidak dilakukan pada zaman kepemimpinannya, Dr Mahathir berkata, ia kerana harga komoditi yang diberikan subsidi tidak begitu tinggi pada masa itu.

Beliau berkata, harga satu tong minyak ketika beliau masih menjadi Perdana Menteri ialah sekitar AS\$30 (RM99) dengan kerajaan masih mampu menanggung subsidi ketika itu berbanding harga bahan yang sama yang kini meningkat kepada AS\$80 (RM264).

“Bahkan, rakyat Bangladesh terpaksa membayar harga petrol jauh lebih tinggi berbanding negara ini. Dalam lawatan saya ke Jepun sebelum ini, rakyatnya juga mengakui kebanyakan barang yang dijual di Malaysia adalah murah,” katanya.